

SOALAN NO: 158

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

**DARIPADA : Dato' Sri Wee Jeck Seng
[Tanjong Piai]**

**SOALAN : Dato' Sri Wee Jeck Seng minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

setakat mana pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan nelayan tidak menggunakan teknik memancing yang dilarang seperti penggunaan bahan letupan dan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah dipertanggungjawab bagi mengurus sumber perikanan agar bekalan ikan makan dalam negara adalah terus mapan. Dalam hal ini, Kerajaan telah menggubal Akta Perikanan 1985 yang telah menggariskan pengurusan dan pemuliharaan perikanan di kelautan serta muara perairan perikanan Malaysia.

Berdasarkan kepada Seksyen 26 Akta Perikanan 1985, telah menjelaskan mengenai penangkapan ikan dengan menggunakan bahan letupan racun, dan sebagainya seperti berikut:

(1) Mana-mana orang yang-

- (a) menggunakan atau cuba menggunakan apa-apa bahan letupan, racun atau pencemar, atau apa-apa perkakas yang menggunakan arus elektrik, atau apa-apa alat yang dilarang, bagi maksud membunuh, melali, mencacatkan atau menangkap ikan, atau dengan apa jua cara lain menyebabkan ikan itu lebih senang ditangkap;
- (b) membawa atau mempunyai dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan letupan, racun atau pencemar, atau apa-apa perkakas yang menggunakan arus elektrik, atau apa-apa alat yang dilarang, dengan tujuan hendak menggunakan bahan letupan, racun atau pencemar, atau perkakas, atau alat yang dilarang itu, bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam perenggan (a); atau

163
(c) mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa mana-mana ikan adalah spesies yang dilarang atau telah ditangkap dengan melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini, menerima atau didapati memiliki ikan itu,

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Apa-apa bahan letupan, racun atau pencemar, perkakas atau alat yang tersebut dalam subseksyen (1) yang dijumpai dalam milik atau di bawah kawalan mana-mana orang hendaklah dianggap sebagai dicadang untuk digunakan bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam subseksyen (1) (a) melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Sebagai tambahan, Seksyen 26 ini juga diperkuuh dengan Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980.

Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah membatalkan dengan serta-merta lesen vesel yang telah dilesenkan di bawah Akta Perikanan 1985 sekiranya disabit menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara haram. Pemantauan juga dibuat secara berkala dan *ad-hoc* berdasarkan kepada aduan yang diterima di peringkat daerah dan negeri.